

## Berita Harian Ogos 2019

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1	Khamis 1 Ogos 2019	Pasukan khas masih siasat laporan audit	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	3
2	Khamis 1 Ogos 2019	Jho Low bohong, beritahu duit SRC masuk akaun Najib adalah derma	SRC International Sdn Bhd	5
3	Jumaat 2 Ogos 2019	Bicara kes Tengku Adnan ditutup, 23 saksi sudah dipanggil	Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku	7
4	Isnin 5 Ogos 2019	Saya mula curiga dengan Jho Low pada 2014 - Joanna Yu	Bekas Pengurus Perhubungan Ambank, Joanna Yu	9
5	Selasa 6 Ogos 2019	Jho Low gelar Najib 'Optimus Prime'	SRC International	12
6	Khamis 8 Ogos 2019	Johor alu-alukan siasatan SPRM isu kelulusan kilang di Pasir Gudang	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	15
7	Jumaat 9 Ogos 2019	Kerajaan fail pertuduhan jenayah terhadap 17 pengarah, bekas pengarah	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	17
8	Selasa 13 Ogos 2019	Selepas rakam percakapan, Jho Low dan Nik Faisal hilang sampai sekarang	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	19
9	Khamis 15 Ogos 2019	Pendakwa raya AS jual rumah mewah dikaitkan dengan Riza Aziz	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	20
10	Ahad 25 Ogos 2019	SPRM terima banyak aduan monopoli tender	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	22
11	Selasa 27 Ogos 2019	PPO nasihat kemuka kembali kertas siasatan SRC kepada Peguam Negara	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	24
12	Selasa 27 Ogos 2019	Permohonan Riza Aziz pindah kes ke Mahkamah Tinggi, 23 September ini	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	27
13	Rabu 28 Ogos 2019	Najib, Jho Low usaha tutup jejak jenayah - Pendakwaan	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	29
14	Rabu 28 Ogos 2019	Pendakwaan akan buktikan dana 1MDB disalurkan ke akaun Najib melalui laluan 'berbelit'	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	31

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
15	Khamis 29 Ogos 2019	Kerajaan beku wang RM100,000 daripada akaun Hasan Malek	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	33



**KETUA Menteri, Adly Zahari (tiga dari kanan) bersama Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Latheefa Koya (dua dari kanan) menaiki Menara Taming Sari pada Program Melaka Tolak Rasuah Peringkat Negeri Melaka sempena Tahun Melawat Melaka 2019 di Banda Hilir.**

### **1. Pasukan khas masih siasat laporan audit**

MELAKA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih lagi menyiasat pendedahan Laporan Ketua Audit Negara sebelum mengambil tindakan jika ada unsur rasuah dan penyelewengan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, berkata siasatan yang dibuat pasukan khas itu harus dilakukan secara terperinci bagi mengenal pasti jenis masalah termasuk unsur ketirisan, isu tatatertib, masalah sistem dan prosedur, memandangkan laporan audit itu cukup besar.

"Buat masa ini, kami telah berjumpa dengan Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid dan berbincang mengenai penubuhan pasukan 'taskforce' susulan pendedahan Laporan Ketua Audit Negara sebelum ini.

"Kita hanya akan mengambil isu membabitkan rasuah. Sebab laporan ini besar dan banyak. Selain pihak jabatan yang turut mengendalikan isu, SPRM akan memfokuskan kes melibatkan unsur jenayah rasuah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Program Melaka Tolak Rasuah Peringkat Negeri Melaka sempena Tahun Melawat Melaka 2019 yang dirasmikan oleh Ketua Menteri, Adly Zahari di Menara Taming Sari, di sini, hari ini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Hasim Hasan; EXCO Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis dan Pengarah SPRM negeri, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail.

Latheefa berkata, pihaknya tidak boleh mendedahkan terlalu banyak maklumat mengenai siasatan daripada Laporan Ketua Audit Negara kerana kes itu masih dalam siasatan.

"Kita tidak boleh mendedahkan hal berkaitan operasi kerana ia masih dalam siasatan. Apabila selesai, kita akan maklumkan," katanya.

Ditanya tarikh senarai kedua lucut hak akan dikeluarkan oleh suruhanjaya itu bagi tujuan mendapatkan semula wang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang disalah guna, Latheefa berkata, pihaknya belum boleh memaklumkannya sekarang.

"Bila tiba masanya. Kita akan maklumkan, akan berikan kepada media. Bukan sekarang," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Latheefa berkata, pihaknya percaya program melalui penyebaran mesej pencegahan rasuah dapat meningkatkan kesedaran masyarakat bagi menangani isu berkenaan.

Beliau turut memuji usaha mesej penyebaran pencegahan rasuah yang dibuat di bot River Cruise, bas Panorama, Menara Taming Sari dan papan digital milik Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dalam usaha mengembalikan kesedaran masyarakat membanteras rasuah.

"Segala inisiatif yang dijalankan oleh SPRM demi rakyat dan negara akan dapat memperbaiki dan melonjak Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia pada masa akan datang.

"Semenjak tahun 2009, kita amat menginginkan untuk Malaysia berada di bawah 50 kelompok negara terbaik di dalam kedudukan CPI yang dikeluarkan. Insya-Allah melalui segala perancangan baharu, SPRM optimis dan berharap impian ini menjadi kenyataan," katanya.



BEKAS Pengurus Perhubungan Ambank, Joanna Yu ketika ditemui di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

## 2. Jho Low bohong, beritahu duit SRC masuk akaun Najib adalah derma

KUALA LUMPUR: Ahli perniagaan Low Taek Jho atau lebih dikenali dengan nama Jho Low cuba memperdayakan pegawai Ambank dengan menyatakan wang berjumlah RM27 juta dipindah masuk dalam akaun peribadi semasa Datuk Seri Najib Razak, adalah wang derma.

Bagaimanapun, wang itu sebenarnya adalah daripada akaun SRC International Sdn Bhd (SRC) iaitu anak syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Bekas Pengurus Perhubungan Ambank, Joanna Yu, yang dirujuk dengan log perbualan pesanan ringkas Blackberry antara beliau dan Jho Low, bersetuju dengan peguam Harvinderjit Singh, bahawa wang SRC berjumlah RM27 juta itu yang dimasukkan dalam akaun Najib berakhir dengan nombor akaun 880.

Menjawab soalan Harvinderjit sama ada wang itu yang digelar Jho Low sebagai 'Eagle 27' dipindahkan ke dalam akaun Najib atas arahan Jho Low, saksi ke-54 pendakwaan itu menjawab, 'Ya'.

Harvinderjit: Jadi, wang RM27 juta itu sebenarnya adalah daripada SRC?

Joanna: Ya.

Harvinderjit: Beliau (Jho Low) cuba beritahu mengenai derma ini, jadi kamu akan letak 'hadiah' atau 'derma' pada surat arahan pindahan?

Joanna: Kami akan letak begitu kalau duit dalam mata wang asing saja.

Harvinderjit: Jho Low tahu ke mengenainya?

Joanna: Saya tidak rasa dia tahu.

Harvinderjit: Jho Low cuba perdaya supaya kamu percaya duit itu bukan daripada SRC. Itu penipuan kan?

Joanna: Ya

Harvinderjit: Bukan ke ini satu penipuan ketara dan nyata?

Joanna: Ya, tapi...

Pada peringkat itu, Harvinderjit memotong keterangan saksi menandakan beliau tidak mahu penjelasan lanjut.

Harvinderjit: Jho Low cuba memperdayakan kamu jadi kamu tidak tahu duit yang masuk dalam akaun Najib, berasal daripada akaun SRC?

Joanna: Beliau cuba beritahu saya.

Harvinderjit: Tidak, dia cuba buat kamu percayakan itu kan?

Joanna: Ya.

Terdahulu, Joanna mengesahkan bahawa RM35 juta daripada SRC dipindah masuk ke dalam akaun syarikat pembinaan Putra Perdana Construction Sdn Bhd dan RM34.99 juta dimasukkan ke dalam akaun Permai Binaraya Sdn Bhd.

Perbicaraan di hadapan Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali bersambung Isnin depan.



Ahli perniagaan, Low Taek Jho atau Jho Low.



**Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor (tengah) ketika hadir di Mahkamah Tinggi Jenayah 2, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur.**

### **3. Bicara kes Tengku Adnan ditutup, 23 saksi sudah dipanggil**

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, menutup kes perbicaraan membabitkan bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor selepas memanggil 23 saksi pendakwaan.

Sehubungan itu, Hakim Mohamed Zaini Mazlan menetapkan 4 dan 11 Oktober depan untuk kedua-dua pihak mengemukakan hujahan dan klarifikasi.

Terdahulu, Mohamed Zaini menetapkan 3 September depan untuk Timbalan Pendakwa Raya, Julia Ibrahim memfailkan hujahan bertulis, manakala 18 September depan untuk peguam bela Datuk Tan Hock Chuan memfailkan hujahan balas.

"Hujahan bertulis perlu difailkan pada atau sebelum 3 September, manakala hujahan balas difailkan pada atau sebelum 18 September 2019," katanya.

Pada prosiding itu, Julia berkata, pihaknya menawarkan beberapa saksi kepada pembelaan membabitkan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Perbicaraan bermula pada 2 Julai lalu hingga semalam memanggil 23 saksi pendakwaan iaitu bekas Datuk Bandar DBKL, Tan Sri Mohd Amin Nordin Abd Aziz dan Tan Sri Ahmad Phesal Talib; Pengarah

Urusan Syarikat Aset Kayamas Sdn Bhd, Tan Sri Chai Kin Kong, kakitangan syarikat Tadmansori Holdings Sdn Bhd dan pegawai DBKL.

Mengikut pertuduhan, Tengku Adnan sebagai seorang penjawat awam iaitu Menteri Wilayah Persekutuan didakwa menerima wang RM2 juta daripada Kin Kong melalui cek Hong Leong Islamic Bank milik syarikat Aset Kayamas.

Cek itu didepositkan ke dalam akaun CIMB Bank milik THSB yang mana Tengku Adnan mempunyai kepentingan dan diketahui syarikat Aset Kayamas ada perhubungan dengan kerja rasminya.

Tengku Adnan dituduh melakukan perbuatan itu di CIMB Bank Berhad, Cawangan Pusat Bandar Damansara di sini pada 14 Jun 2016.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.



BEKAS Pengurus Perhubungan Ambank, Joanna Yu.

#### **4. Saya mula curiga dengan Jho Low pada 2014 - Joanna Yu**

KUALA LUMPUR: Bekas Pengurus Perhubungan Ambank, Joanna Yu, mula curiga dengan ahli perniagaan dalam buruan, Jho Low atau Low Taek Jho, ketika mereka menjalankan urusan transaksi akaun bank bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada 2014.

Yu yang sudah lapan hari disoal balas oleh peguam Harvinderjit Singh memberitahu Mahkamah Tinggi, perasaan curiga terhadap Jho Low yang kini dikehendaki pihak berkuasa, hanya timbul pada penghujung 2014.

"Perasaan itu timbul apabila kami meminta dia (Jho Low) untuk menutup akaun peribadi berkenaan pada 2014," kata saksi pendakwaan ke-54 itu.

Sebelum itu, mahkamah diberitahu bahawa pada akhir 2014, pengurusan kanan AmBank mencadangkan dan membincangkan mengenai penutupan akaun semasa Najib merandangkan akaun itu sentiasa terlebih pengeluaran dan bank sering perlu menunggu dana yang mencukupi didepositkan bagi menjelaskan cek yang dikeluarkan Najib.

Harvinderjit: Adakah kamu bersetuju jika semasa kamu berurusan dengan Jho Low, kamu mempunyai perasaan syak yang kuat bahawa beliau tidak berkomunikasi dengan pemegang akaun (Najib), kamu akan memaklumkannya kepada bank.

Yu: Saya akan memaklumkannya kepada (bekas pengarah urusan kumpulan Ambank Group) Cheah Tek Kuang.

Harvinderjit: Dan kamu akan menjadi amat, amat keberatan untuk berurusan dengan Jho Low bagi perkara yang berkait dengan akaun (akaun Najib) itu?

Yu: Ya.

Harvinderjit: Tetapi kamu tidak mempunyai perasaan syak yang kuat. Tidak sehingga sekurang-kurangnya 2014, 2015.

Yu: Apabila kami memberitahunya (Jho Low) untuk menutup akaun (Najib) itu.

Sementara itu, Yu mengesahkan bahawa Najib enggan menutup ketiga-tiga akaun semasa peribadi miliknya walaupun beliau sudah mendesak Jho Low untuk berbuat demikian.

Melalui log perbualan antara Yu dan Jho Low yang dirujuk Harvinderjit menunjukkan bahawa Najib enggan menutup akaun ketiga-tiga akaun semasa peribadi miliknya walaupun didesak Yu.

Dalam perbualan itu, Jho Low membalsas desakan Yu untuk menutup akaun dengan berkata; Tanya MNR ( Mohd Najib Razak), dia tidak mahu akaun ditutup.

Dalam keterangan sebelum ini, Yu memberikan amaran supaya akaun itu ditutup kerana diawasi pihak bank berikutan bimbang terdedah kepada siasatan pengubahan wang haram kerana terdapat kemasukan deposit tunai yang banyak.

Sementara itu, Yu berkata, Jho Low mengarahkan supaya wang sebanyak RM27 juta dan RM5 juta daripada akaun Najib dipindah balik ke akaun Permai Binaraya dan Putra Perdana Construction.

Permai Binaraya adalah subsidiari kepada Putra Perdana Development Sdn Bhd manakala Putra Perdana Construction adalah anak syarikat Putrajaya Perdana Berhad.

Yu berkata, arahan itu dikeluarkan Jho Low pada 20 Disember 2014.

Beliau berkata, Jho Low mengarahkannya menyediakan surat arahan untuk AmBank memindah balik wang berjumlah RM27 juta dan RM5 juta yang dimasukkan ke dalam akaun berakhir dengan nombor 880 dan 906 milik Najib.

Harvinderjit membacakan perbualan menunjukkan Jho Low mengarahkan Yu menyediakan draf yang perlu ditandatangani oleh Nik Faisal Ariff Kamil, selaku pemegang mandat akaun Najib.

Harvinderjit menyatakan, Nik Faisal hanya diberi mandat untuk mengendalikan pemindahan antara akaun Najib dan bukan membabitkan pemindahan dana ke akaun lain.

Sehubungan itu, katanya Jho Low mengarahkan Yu menyediakan surat arahan yang perlu ditandatangani Najib.

Katanya, pemindahan balik itu berjaya dilakukan pada 29 Disember 2014.

Sementara itu, pada prosiding esok, Hakim Mahkamah Tinggi Mohd Nazlan Mohd Ghazali memberikan masa sejam kepada Harvinderjit untuk melengkapkan menyoal balas Yu yang sudah memasuki hari kelapan hari ini.

Ini bermakna saksi baharu mungkin akan dipanggil memberikan keterangan dalam perbicaraan dan nama yang disebut-sebut bakal dipanggil ialah bekas Menteri Kewangan II Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, selain pegawai penyiasat kes.

Ahmad Husni adalah individu yang sering dinyatakan oleh beberapa saksi sebelum ini yang menandatangani surat Jaminan Kerajaan bagi pinjaman pertama RM2 bilion yang dibuat SRC International Sdn Bhd daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) pada tahun 2011.



Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika hadir pada perbicaraan salah guna kuasa membabitkan dana SRC International di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

#### 5. Jho Low gelar Najib 'Optimus Prime'

KUALA LUMPUR: Ahli perniagaan dalam buruan Jho Low atau Low Taek Jho menggelar Datuk Seri Najib Razak sebagai 'Optimus Prime' iaitu hero dalam filem aksi 'Transformers'.

Gelaran itu digunakan oleh Jho Low melalui singkatan OP ketika bertukar-tukar pesanan ringkas Blackberry dengan bekas Pengurus Perhubungan Ambank, Joanna Yu melalui urusan transaksi tiga akaun bank semasa peribadi Najib.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram pada sesi pemeriksaan semula, Joanna, 48, berkata, beliau difahamkan singkatan OP itu ialah 'Optimus Prime'.

"Saya masih ingat pernah bertanya mengenai singkatan itu sebelum ini," katanya.

Sithambaram secara bersahaja dan berjenaka membalas, "Setahu saya OP itu ialah ketua filem Transformers".

Log perbualan antara Joanna dan Jho Low yang dirujuk Sithambaram itu ialah;

Jho Low: Beritahu dia, OP mungkin akan tutup akaun pada Disember.

Joanna: Ashok (Bekas Pengarah Urusan Kumpulan AmBank Ashok Ramamurthy) mahu kemas kini laporan.

Jho Low: Beritahu dia, OP cakap mungkin akan tutup akaun hujung Disember.

Sementara itu Joanna bersetuju dengan cadangan Sithambaram bahawa tidak mungkin seseorang pemegang akaun menggunakan wang yang dimasukkan ke dalam akaun bank miliknya tanpa menyedarinya.

Joanna berkata, pemegang akaun perlu mengetahui transaksi yang berlaku dalam akaun banknya.

Saksi ke-54 pendakwaan itu berkata, mustahil bagi Najib untuk tidak menyedari ada kemasukan duit dalam akaunnya.

Sithambaram menyatakan Joanna sama ada Najib pernah bertanya bagaimana beliau hanya menerima RM212 juta dalam akaunnya, dan pada masa sama membelanjakan RM395 juta.

Joanna menjawab, "Tidak".

Sithambaram sekali lagi mencelah, "Kecuali duit itu luruh dari pokok".

Jelas Joanna, lebih-lebih lagi belas perdana menteri itu seharusnya menyedari kemasukan wang berkenaan kerana beliau ada mengeluarkan cek daripada akaun berkenaan.

Katanya, tidak ada sebarang aduan yang dikemukakan oleh Najib mengenai cek yang dikeluarkan oleh beliau, sebenarnya dikeluarkan oleh pihak lain.

Saksi itu yang sudah lebih seminggu memberikan keterangan berkata, berdasarkan rekod tiada bukti yang menunjukkan bahawa Jho Low menggunakan wang yang dimasukkan ke dalam akaun Najib.

Sithambaram: Ada atau tidak cek yang yang dikeluarkan daripada akaun Najib dibayar kepada Jho Low?

Joanna: Tidak.

Sithambaram: Kamu sebagai pegawai bank, ada atau tidak bukti bahawa Jho Low menggunakan wang daripada akaun peribadi Najib?

Joanna: Saya tiada pengetahuan tetapi berdasarkan kepada butiran cek, tidak ada.

Sithambaram: Adakah Nik Faisal Ariff Kamil (pemegang mandat akaun Najib) pernah memindahkan wang daripada akaun ini ke dalam akaunnya sendiri?

Joanna : Tidak.

Sithambaram: Adakah kamu secara peribadi pernah pindahkan wang itu ke dalam akaun kamu?

Joanna: Tidak pernah.

Sithambaram: Adakah kemungkinan bagi seseorang pemegang akaun tidak tahu ada RM395 juta dalam akaun dia?

Joanna: Dia patut tahu.



Menteri Besar Johor Datuk Dr Sahrudin Jamal (tengah) bersama Pegawai Pendidikan Daerah Pontian Shaharudin Basri Ibrahim (kiri), Pengurus Yayasan Harapan Pontian Zulkifly Tasrep (dua kiri), Pegawai Daerah Pontian Zulkifly Mohd Tahir (dua, kanan) dan Yang Dipertua Majlis Daerah Pontian Nor Syazlan Abd Razak (kanan) meletakkan barang-barang keperluan dapur dalam 'Food Bank' sebagai gimik pelancaran Program Food Bank Yayasan Harapan Pontian di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Ali Haji Ahmad, hari ini.

#### **6. Johor alu-alukan siasatan SPRM isu kelulusan kilang di Pasir Gudang**

PONTIAN: Kerajaan negeri Johor bersikap terbuka dan mengalu-alukan sekiranya Suruhan Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhasrat membuka kertas siasatan berhubung proses kelulusan kilang yang beroperasi di Pasir Gudang.

Menteri Besar, Datuk Dr. Sahrudin Jamal, berkata pihaknya tidak ada masalah untuk memberi kerjasama kepada SPRM dalam menjalankan siasatan berhubung isu berkenaan.

"Saya bagi pihak kerajaan negeri mengalu-alukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mengadakan siasatan. Tidak ada masalah," katanya kepada media selepas melancarkan Program Food Bank Yayasan Harapan Pontian 2019 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Ali Haji Ahmad di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan bekas Menteri Besar Johor Datuk Mohamed Khaled Nordin hari ini yang mencadangkan SPRM atau mana-mana agensi terlibat membuka kertas siasatan berhubung perkara itu selain bersedia untuk disiasat berkaitan isu berkenaan.

Sebelum ini, laman Facebook Kelab Muafakat Johor menudung jari kepada Mohamed Khaled susulan pencemaran yang berlaku di Pasir Gudang.

Sementara itu, ditanya mengenai desakan pihak pembangkang untuk mendedahkan nama-nama kilang yang terlibat dengan pencemaran itu, Sahruddin berkata pihaknya hanya boleh mendedahkannya setelah dapat mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab.

## 7. Kerajaan fail pertuduhan jenayah terhadap 17 pengarah, bekas pengarah

PUTRAJAYA: Kerajaan Malaysia hari ini memfailkan pertuduhan jenayah terhadap 17 individu terdiri daripada bekas pengarah serta pengarah masa kini kepada tiga anak syarikat bank pelaburan Goldman Sachs berkaitan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Pertuduhan jenayah terhadap mereka difaiklan mengikut Seksyen 367(1), dibaca bersama Seksyen 179 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan, 2007 (CMSA).

Peguam Negara, Tommy Thomas, menerusi kenyataan berkata, pada 17 dan 19 Disember 2018, pertuduhan jenayah (Seksyen 179) difaiklan terhadap ketiga-tiga anak syarikat Goldman Sachs dan kakitangan utama mereka iaitu Tim Leissner dan Roger Ng, bersama Jasmine Loo Ai Swan daripada 1MDB dan Low Taek Jho.

Katanya, mereka dituduh melakukan skim untuk menipu Kerajaan Malaysia dan pembeli ketiga-tiga bon dengan nilai muka sebanyak USD6.5 bilion yang ditaja jamin dan diatur oleh Goldman Sachs, serta diterbitkan oleh anak syarikat 1MDB.

Ia dilakukan melalui perbuatan dan secara bersubahat kenyataan palsu atau mengelirukan untuk secara tidak jujur menggelapkan berbilion daripada hasil terbitan bon terbabit.

"Pertuduhan pada hari ini dibawa mengikut Seksyen 367(1) CMSA yang memperuntukkan 'mana-mana orang iaitu seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, pegawai atau wakil badan korporat atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian' pada masa perlakuan kesalahan di bawah Akta itu adalah disifatkan melakukan kesalahan itu.

"Melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa persetujuannya dan bahawa dia menjalankan segala usaha wajar untuk menghalang perlakuan kesalahan itu seperti sepatutnya dijalankan olehnya, dengan mengambil kira kapasitinya dalam badan korporat itu.

"Semua tertuduh ialah pengarah tiga anak syarikat Goldman Sachs ini antara Mei 2012 dan Mac 2013, iaitu tempoh berlakunya perbuatan yang membawa kepada pertuduhan Seksyen 179 terhadap syarikat mereka.

"Mereka menduduki jawatan eksekutif tertinggi tiga anak syarikat Goldman Sachs terbabit, dan menjalankan atau seharusnya menjalankan kuasa membuat keputusan berhubung urus niaga badan korporat berkenaan," katanya.

Beliau berkata, hukuman penjara dan denda boleh dikenakan terhadap semua tertuduh dalam pertuduhan Seksyen 367, mengambil kira keterukan skim untuk menipu dan juga penyelewengan penyalahgunaan berbilion dolar hasil terbitan bon.

"Selain itu, tempoh panjang pelanggaran itu dirancang dan dilaksanakan, jumlah anak syarikat, pegawai dan kakitangan Goldman Sachs yang terbabit dan nilai relatif yuran serta komisen yang dibayar kepada Golden Sachs untuk pelbagai peranan dalam hal mengatur, menstruktur, menaja jamin dan menjual ketiga-tiga bon berkenaan," katanya.

Individu terbabit ialah Richard John Gnodde; Brian Griffiths; Michael Sydney Sherwood; Robin Antony Vince; Claes dan Ake Gustaf Dahlback daripada Goldman Sachs International.

Daripada Goldman Sachs (Asia) LLC pula ialah Oliver Robert Morgan Bolitho; Matthew Thayer Freemont-Smith; Frederick Towfigh; Archie William Parnell; Ronald Suk Bae Lee; Richard Mark Campbell-Breeden; Keith Leslie Hayes; Amol Sagun Naik; John Michael Evans dan Dimitrios Kavvathas.

Selain itu, Goh Boon Leng dan Liow Chang Lee daripada Goldman Sachs (Singapore) Pte.

### 8. Selepas rakam percakapan, Jho Low dan Nik Faisal hilang sampai sekarang

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berjaya menemui bekas Ketua Pegawai Eksekutif SRC Sdn Bhd, Nik Faisal Ariff Kamil dan ahli perniagaan, Low Taek Jho atau Jho Low di luar negara serta merakamkan percakapan kedua-dua individu terbabit.

Penolong Kanan Pesuruhjaya (PKPj) Bahagian Operasi Khas (BOK) SPM, Rosli Hussain memberitahu Mahkamah Tinggi, Nik Faisal dan Jho Low berjaya ditemui pada 2015, masing-masing di Jakarta, Indonesia dan Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Saksi pendakwaan ke-57 itu berkata, pihaknya merakamkan percakapan Nik Faisal di Jakarta pada 17 Oktober 2015 dan Jho Low di Abu Dhabi pada 27 November tahun sama.

Beliau berkata, disebabkan berjaya merakamkan percakapan daripada kedua-dua individu terbabit, pihaknya percaya Nik Faisal dan Jho Low akan kembali ke Malaysia bagi memberikan keterangan.

Rosli yang menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Ishak Mohd Yusoff pada sesi pemeriksaan utama berkata, susulan itu, pihaknya tidak meletakkan Nik Faisal dan Jho Low di bawah bon jaminan.

Bagaimanapun, Nik Faisal dan Jho Low sehingga kini berjaya melarikan diri dan gagal dikesan pihak berkuasa.

Terdahulu, Rosli berkata, hasil siasatan pihaknya mendapati Nik Faisal meninggalkan negara pada 7 Mei 2018, manakala Jho Low pula pada 29 Mei 2015.

Katanya, usaha mengesan kedua-dua individu berkenaan di pejabat dan alamat kediaman terakhir masing-masing menemui kegagalan.

"Usaha mengesan Nik Faisal dengan pergi ke pejabatnya di Shah Alam Pada 21 Mei 2018, namun saya dapati seorang saja pekerja di situ dan memberitahu Nik Faisal keluar negara dan tidak balik.

"Usaha diteruskan di kediamannya di Jalan Maarof Bangsar juga tidak berjaya.

"Pegawai saya yang mengesan Jho Low di kediaman di Tanjung Bungah, Pulau Pinang mendapati beliau tiada di situ dan usaha mengesan bapa dia juga tidak berjaya," katanya

Rosli berkata, waran tangkap terhadap Nik Faisal dan Jho Low dikeluarkan pada 22 Mei 2018 bagi mendapatkan bantuan polis antarabangsa (Interpol) menahan kedua-dua mereka.



**ANAK tiri mantan perdana menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak, Riza Aziz.**

#### **9. Pendakwa raya AS jual rumah mewah dikaitkan dengan Riza Aziz**

KUALA LUMPUR: Pendakwa raya Amerika Syarikat (AS) sedang berusaha menjual tiga kediaman mewah yang dikaitkan dengan Riza Aziz, anak tiri mantan perdana menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak, demikian menurut dokumen mahkamah, usaha terbaru untuk mendapatkan semula wang yang didakwa dicuri daripada 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Pihak berkuasa Malaysia dan AS mendakwa bahawa kira-kira AS\$4.5 bilion (RM18.87 bilion) disalahgunakan daripada 1MDB, dana negara yang diasaskan Najib.

Sejak 2016, Jabatan Kehakiman AS memfailkan tindakan undang-undang perlucutahkan kira-kira AS\$1.7 bilion dalam aset yang didakwa dibeli dengan wang dicuri daripada 1MDB, termasuk jet peribadi, hartanah mewah dan barang kemas.

AS sudah mengembalikan ke Malaysia kira-kira AS\$200 juta yang diselamatkan daripada penjualan aset yang dirampas.

Rabu lalu, pendakwa raya AS dan syarikat induk tiga hartanah mewah itu memohon mahkamah California untuk menarik keluar penggantungan prosiding pelucutahkan supaya harta itu boleh dijual, demikian menurut dokumen mahkamah.

Hartanah itu termasuk sebuah kediaman bandar di London bernilai AS\$27.97 juta, kediaman bernilai AS\$17.5 juta di Beverly Hills, dan kondominium AS\$35.5 juta di New York yang didakwa dibeli Riza menggunakan dana yang dialihkan daripada 1MDB.

Pendakwa raya berkata, Riza membeli harta tanah daripada Low Taek Jho, yang menghadapi tuduhan jenayah di Malaysia dan AS di atas peranannya yang dianggap memainkan peranan utama dalam kes 1MDB.

Low, juga dikenali sebagai Jho Low, secara konsisten menafikan salah laku dan tidak diketahui lokasi beliau ketika ini.

Riza adalah pengasas bersama firma pengeluaran Hollywood Red Granite Pictures, yang menerbitkan filem "The Wolf of Wall Street". Pada 2017, Red Granite membayar kerajaan AS\$ 60 juta untuk menyelesaikan saman pelucut hakan berkaitan tiga filem yang didakwa dibiayai dengan dana 1MDB.

Bulan lalu, Riza mengaku tidak bersalah di Malaysia atas lima tuduhan pengubahan wang haram, membabitkan kira-kira AS\$248 juta dalam dana 1MDB.

Pihak berkuasa di sekurang-kurangnya enam negara sedang menyiasat kes berkaitan pengubahan wang haram dan rasuah dikaitkan dengan 1MDB, yang ditubuhkan Najib pada 2009.

Najib, yang hilangan kuasa pada pilihan raya umum tahun lalu, menghadapi 42 tuduhan jenayah berkaitan kerugian di 1MDB dan entiti kerajaan lain. Beliau secara konsisten menafikan salah laku.



**PESURUHJAYA SPRM, Latheefa Koya.**

#### **10. SPRM terima banyak aduan monopoli tender**

KUALA TERENGGANU: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengakui menerima banyak laporan berkaitan penipuan dan monopoli membabitkan tender serta perolehan kerajaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, berkata ia tidak boleh didedahkan kerana dibimbangi mengganggu siasatan.

"Mesti ada laporan. Banyak kes berbentuk perolehan dan tender tetapi kita tidak boleh maklumkan sehingga dapat melakukan tindakan terbabit.

"Sekiranya dimaklumkan, dibimbangi orang yang kita sasarkan akan lari. Oleh itu kita tidak boleh berkongsi maklumat terbabit," katanya kepada pemberita pada Program Gohek Beskal & Khabak Merdeka 2019 di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah SPRM Terengganu, Mohd Zaki Hassan.

BH Ahad hari ini mendedahkan, sekurang-kurangnya 10 projek kerajaan bernilai jutaan ringgit kini disiasat Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) kerana kontraktor memenangi tender itu disyaki berkomplot dalam proses bidaan.

Siasatan itu dibuat susulan aduan dan maklumat diterima MyCC mengenai taktik kontraktor dan pembekal yang membentuk komplot dalam pakatan untuk membuatkan sesuatu nilai kontrak itu menjadi tinggi.

Terdahulu, Latheefa melepaskan 150 peserta membabitkan anak muda dalam program kayuhan dan mendaki bukit sebahagian daripada program menolak rasuah dan sempena bulan kemerdekaan.

Malah, Latheefa turut mengambil bahagian mendaki Bukit Besar setinggi 156 meter dan memacakkan papan tanda pencegahan rasuah di puncak bukit terbabit.



Penolong Kanan Pesuruhjaya (PKPj) Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM, Rosli Husain

#### **11. PPO nasihat kemuka kembali kertas siasatan SRC kepada Peguam Negara**

KUALA LUMPUR: Kertas siasatan berhubung kes penyelewengan dana SRC International Sdn Bhd membabitkan Datuk Seri Najib Razak dipulangkan semula oleh Jabatan Peguam Negara kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) beberapa kali sejak siasatan bermula 2015.

Penolong Kanan Pesuruhjaya (PKPj) Bahagian Operasi Khas (BOK) SPRM, Rosli Husain, berkata siasatan di bawah Akta Pengubahan Wang Haram berkaitan Najib dijalankan sejak laporan dibuat oleh pegawai SPRM pada 3 Julai 2015.

"Kemudian sepanjang Julai 2015, saya bertindak membuat rakaman percakapan penerima cek daripada akaun peribadi Najib," katanya yang menambah kertas siasatan kes itu kemudiannya dikemukakan kepada Peguam Negara.

Saksi itu berkata, selepas kertas siasatan itu diputuskan 'Tiada Tindakan Lanjut' (NFA) pada 26 Januari 2016, beliau memberikan taklimat kepada Panel Penilaian Operasi (PPO) SPRM yang ketika itu dipengerusikan Datuk Wira Hamid Bugo, dengan tujuan untuk meneliti semula kertas siasatan yang ditandakan sebagai NFA.

"Beliau menasihati saya untuk mengemukakan kembali kertas siasatan untuk disemak semula oleh Tan Sri Mohamed Apandi (Peguam Negara ketika itu) kerana pihaknya yakin ada keterangan yang menunjukkan berlakunya kesalahan atas akta yang disyorkan.

"Susulan itu, pada hujung Mac 2016, SPRM mengemukakan semula kertas siasatan kepada Peguam Negara untuk dikaji semula," katanya.

Rosli berkata pihaknya menerima arahan untuk menyiasat lanjut kes itu pada 22 September 2016, selepas Mohamed Apandi memutuskan NFA pada kertas siasatan sama pada 26 Januari 2016.

Rosli berkata beliau menerima semula kertas siasatan itu dengan arahan untuk membuat siasatan lanjut sebelum diarahkan untuk mengambil tindakan mengenai kes sama pada 7 Julai 2017.

"Pada 12 Jun 2018, saya mengemukakan kembali kertas siasatan kepada Peguam Negara (Apandi) dengan syor untuk menuduh tertuduh seperti mana pertuduhan hari ini," katanya.



Datuk Seri Najib Razak hadir pada hari akhir perbicaraan kes SRC International Sdn Bhd di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, hari ini. - NSTP/Eizairi Shamsudin

Sementara itu, Rosli menegaskan bahawa hanya Najib mempunyai kepentingan dalam kes membabitkan dana SRC.

Rosli berkata Najib yang ketika itu memegang portfolio Menteri Kewangan adalah individu yang berkuasa melantik jawatan penting dalam SRC International seperti Ahli Lembaga Pengarah, setiausaha dan juruaudit syarikat.

"Selain itu, beliau juga mempunyai kuasa untuk menentukan pelaburan syarikat," katanya.

Ketika disoal Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Suhaimi Ibrahim, sama ada bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SRC, Nik Faisal Ariff Kamil, adalah individu yang menyeleweng dana SRC berjumlah RM170 juta, Rosli menjawab: "Ya."

Suhaimi: Ketika pembelaan mencadangkan ahli perniagaan Low Taek Jho (Jho Low) menyeleweng wang SRC, kamu menjawab "Kalau Nik Faisal, ya." Boleh terangkan mengapa?

Rosli: Saya menjawab "Kalau Nik Faisal, ya" kerana dia yang membuat pindahan wang RM170 juta dari akaun SRC ke akaun syarikat pembinaan, Putra Perdana Construction Sdn Bhd tanpa mendapatkan persetujuan daripada ahli lembaga pengarah SRC.



Anak tiri bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Riza Aziz

#### **12. Permohonan Riza Aziz pindah kes ke Mahkamah Tinggi, 23 September ini**

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini hari ini menetapkan 23 September ini bagi pendengaran permohonan pembelaan untuk memindahkan kes membabitkan anak tiri bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Riza Shahriz Abdul Aziz, yang didakwa lima pertuduhan dalam pengubahan wang haram berjumlah AS\$248 juta (RM1.25 bilion), lapan tahun lalu, dipindahkan dari Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi.

Perkara itu dimaklumkan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib, ketika ditemui pemberita selepas permohonan dilakukan dalam kamar di hadapan Timbalan Pendaftar Mahyuddin Mohmad Som.

Ahmad Akram berkata, mahkamah turut mengarahkan pihaknya dan pembelaan untuk memfailkan hujahan bertulis sebelum 17 September ini.

"Hakim Mahkamah Sesyen layak untuk mendengar kes pengubahan wang haram seperti ini.

"Pemindahan kes ini ke Mahkamah Tinggi hanya melengahkan masa dan prosiding mahkamah," katanya.

Sementara itu, peguam Syazwani Mohd Zawawi yang mewakili Riza, 42, memberitahu pihaknya sudah memfailkan afidavit berkaitan permohonan itu pada 16 Ogos lalu.

Katanya, pihak pembelaan memfailkan permohonan untuk memindahkan kes anak guamnya (Riza Shahriz) dari Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi memandangkan kes itu membabitkan undang-undang rumit dan sukar.

"Kes ini juga membabitkan isu berkaitan 1Malaysia Development Sdn Berhad (1MDB).

Maka pihak kami memohon kes ini dipindahkan ke Mahkamah Tinggi," katanya.

Pada 5 Julai lalu, Riza Shahriz yang juga pemilik syarikat Red Granite Pictures membuat pengakuan tidak bersalah terhadap lima pertuduhan membabitkan diri dalam pengubahan wang haram berjumlah AS\$248 juta (RM1.25 bilion), lapan tahun lalu.

Tuduhan itu membabitkan wang yang diterimanya antara 2011 dan 2012 daripada Good Star Ltd yang dikaitkan dengan ahli perniagaan kontroversi Low Taek Jho dan dana 1MDB.

Penerbit filem 'Wolf of The Wall Street' itu akan dituduh mengikut Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 yang memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM5 juta atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan pertama dan kedua, Riza Aziz, didakwa membabitkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu menerima hasil aktiviti haram berjumlah masing-masing AS\$1,173,104 juta dan AS\$9 juta melalui transaksi pemindahan wang daripada akaun nombor 11116073 milik Good Star Limited di RBS Coutts, Zurich, Switzerland ke akaun City National Bank, Los Angeles, Amerika Syarikat (AS), bernombor 123284291 milik Red Granite Production Inc.

Wang berkenaan adalah hasil daripada penyelewengan terhadap dana 1MDB.

Dia juga dituduh melakukan kesalahan itu di City National City Bank, Los Angeles Main, 525 South Flower Street, Los Angeles, California, AS, masing-masing antara 12 April dan 12 Mei 2011 serta 10 September dan 10 Oktober 2012.

Bagi pertuduhan ketiga hingga kelima, Riza Aziz didakwa membabitkan diri dalam pengubahan wang haram dengan menerima hasil aktiviti haram berjumlah masing-masing AS\$133 juta, AS\$60 juta dan AS\$45 juta daripada akaun bernombor 81134378 milik Aabar Investment PJS Limited di BSI SA, Lugano ke akaun BSI Bank Ltd Singapura bernombor 6C02250A milik Red Granite Capital Limited.

Riza dituduh melakukan kesalahan itu di BSI Bank Ltd, 7 Temasek Boulevard, #32-01 Suntec Tower One, Singapura, masing-masing pada 18 Jun, 23 Oktober dan 14 November 2012.



### 13. Najib, Jho Low usaha tutup jejak jenayah - Pendakwaan

KUALA LUMPUR: Selepas skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) terbongkar pada awal Julai 2015, bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan ahli perniagaan dalam buruan Jho Low atau Low Taek Jho cuba menutup jejak jenayah mereka.

Tindakan itu dilakukan oleh Najib dan Jho Low yang juga disifatkan sebagai 'bayangannya' dengan mengemukakan dokumen palsu kononnya bagi menunjukkan bahawa wang diterima adalah derma daripada Putera Arab.

Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram, dalam pernyataan pembukaan kes 1MDB dihadapi Najib, berkata antara dokumen itu ialah surat dan empat cek masing-masing berjumlah AS\$25 juta yang kononnya ditulis oleh seseorang yang dikatakan sebagai penderma Arab.

Sri Ram berkata, bagaimanapun cek berkenaan bukan diniatkan untuk ditunaikan dan tidak pernah ditunaikan.

"Pihak pendakwaan juga akan mengemukakan bukti bagi menunjukkan bahawa tertuduh mengambil langkah aktif untuk mengelakkan daripada hukuman.

"Tertuduh juga campur tangan dalam perjalanan siasatan skandal 1MDB ini, beliau mengambil langkah aktif untuk menutup kesalahan jenayahnya.

"Oleh itu pendakwaan akan bergantung kepada bukti ini bagi menunjukkan tertuduh mempunyai niat dalam kesalahan yang didakwa dilakukannya itu," katanya.

Sementara itu, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mengulas pernyataan pembukaan itu di luar mahkamah, berkata apa yang penting adalah sama ada Najib tahu wang yang disalurkan ke akaunnya berasal daripada 1MDB.

Muhammad Shafee berkata, persoalan sama ada dokumen itu adalah tulen atau palsu perlu dibuktikan oleh pendakwaan.

"Saya tak peduli sama ada Low Taek Jho tahu. Adakah Najib tahu? Kalau beliau tahu, baru anda boleh hukumnya (Najib) selepas itu," katanya.



BEKAS Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Seri Gopal Sri Ram hadir bagi mendengar keputusan permohonan ketepikan pelantikanya oleh Peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah di Kompleks Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

**14. Pendakwaan akan buktikan dana 1MDB disalurkan ke akaun Najib melalui laluan 'berbelit'**

KUALA LUMPUR: Pendakwaan akan mengemukakan bukti langsung dan bukti keadaan bahawa Datuk Seri Najib Razak mengambil beberapa langkah membawa kepada dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) disalurkan kepada akaunnya melalui laluan yang 'berbelit' untuk mengelakkan sumbernya dikesan.

Perkara itu dimaklumkan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram dalam pernyataan permulaan kes itu yang mula dibicarakan di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah, hari ini,

Katanya, tertuduh berdepan empat tuduhan mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Berdasarkan pertuduhan berkenaan, pihak pendakwaan akan membuktikan melalui bukti langsung dan bukti keadaan bahawa tertuduh dalam kapasiti sebagai bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, kemudian selaku Perdana Menteri dan Menteri Kewangan mengambil beberapa langkah yang membawa kepada dana 1MDB disalurkan kepada akaun beliau melalui laluan yang 'berbelit' untuk mengelakkan sumbernya dikesan.

"Tertuduh dengan ini menggunakan kedudukannya untuk kepuasan diri. Dalam setiap fasa ini tertuduh bersama Jho Low (Low Taek Jho) bertindak sebagai satu," katanya.

Sri Ram berkata, kes itu membabitkan empat fasa, iaitu pertama membabitkan senario kononnya dikenali sebagai usaha sama yang diwujudkan tertuduh (bertindak melalui Jho Low dan individu dikenali sebagai Tariq Obaid iaitu kenalan rapat Jho Low), iaitu satu usaha sama palsu antara 1MDB dan Syarikat PetroSaudi International LTD (PSI) yang dikenali sebagai projek Aria.

Beliau berkata, dalam fasa pertama itu keadaannya adalah seperti berikut;

- 1MDB meminjam AS\$1 bilion kononnya untuk melabur dalam syarikat usaha sama dikenali 1MDB Petro Saudi Limited. Wang berkenaan untuk dimasukkan ke akaun syarikat usaha sama. PSI memperoleh 60 peratus saham dengan menyuntik beberapa aset melalui nilai yang diragukan.
- Wang AS\$1 bilion itu mewakili sumbangan 1MDB kepada 40 peratus pegangan sahamnya. Bagaimanapun, usaha sama ini tidak dimasuki dengan PSI sebaliknya melalui satu syarikat PetroSaudi Holding (Cayman) Ltd dan Tariq Obaid melaksanakan perjanjian bagi mewakili PetroSaudi Holding (Cayman).
- Bukti yang akan dikemukakan menunjukkan usaha sama yang dilakukan itu adalah tidak normal yang mendedahkan bahawa ia hanyalah satu alat untuk menyedut wang 1MDB bagi faedah tertuduh.
- Pendakwaan melalui keterangan lisan dan dokumentasi akan membuktikan bahawa AS\$700 juta daripada jumlah AS\$1 bilion itu, bukannya dibayar ke akaun syarikat usaha sama itu sebaliknya dialihkan kepada tertuduh melalui sebuah syarikat bernama Good Star Ltd yang sebenarnya syarikat itu langsung tidak berkaitan dengan usaha sama berkenaan. Ia diperbadankan di Seychelles pada 18 Mei 2009 iaitu lima bulan sebelum perjanjian usaha sama itu dimasuki dan ia juga sebuah syarikat dimiliki dan dikawal oleh Jho Low.
- Pembayaran Good Star dibuat dengan tergesa-gesa dan tanpa kelulusan daripada Lembaga Pengarah 1MDB dan bercanggah dengan hala tuju syarikat. Good Star telah digambarkan sebagai anak syarikat PSI yang dimiliki dan dikawal oleh Jho Low.
- Pembayaran kepada Good Star, diserahkan kepada tertuduh melalui Jho Low sebagai wang yang dimiliki oleh perjanjian usaha sama yang disebut pinjaman yang dibayar oleh perjanjian usaha sama, juga dirujuk sebagai pinjaman yang dibayar oleh syarikat usaha sama kepada PetroSaudi Holding (Cayman).
- Pihak pendakwaan melalui dokumen akan menunjukkan bahawa pinjaman itu adalah palsu bagi menjustifikasi pembayaran kepada Good Star.



BEKAS Ahli Parlimen Kuala Pilah, Datuk Seri Hasan Malek

#### 15. Kerajaan buku wang RM100,000 daripada akaun Hasan Malek

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini hari ini, memerintahkan kerajaan membekukan wang RM100,000 milik bekas Ahli Parlimen Kuala Pilah, Datuk Seri Hasan Malek yang mempunyai kaitan dengan penyiasatan kes berkaitan 1Malaysia Developement Berhad (1MDB).

Hakim Mohamed Zaini Mazlan memerintahkan perkara itu apabila Timbalan Pendakwa Raya dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mahadi Abdul Jumaat memaklumkan bahawa responden sudah memasukkan representasi untuk pemulangan wang itu.

Terdahulu, Mahadi memberitahu mahkamah bahawa pihak pemohon (pendakwaan) memfailkan afidavit pada 23 Ogos 2019 manakala responden memfailkan afidavit balasan pada 6 September lalu.

Katanya, tiada pihak ketiga yang muncul untuk menuntut wang itu.

"Afidavit pemohon tidak dibalas oleh responden (Hasan) dan warta hari ini tiada pihak ketiga yang hadir.

"Kami memohon kesemua wang yang disita dilucut hak kepada kerajaan Malaysia," katanya.

Peguam Muhammad Iqbal Ismail yang mewakili Hasan mengesahkan perkara itu dan pihak responden tidak membantah wang itu dilucut hak.

Dalam prosiding itu, mahkamah turut menetapkan 4 Disember 2019 dan 5 Disember depan untuk hujahan lisan bagi tiga entiti yang didakwa berkaitan skandal penyelewengan dana 1MDB.

Tiga responden lain itu termasuk Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Wanita MCA dan Badan Perhubungan UMNO Sabah.

UMNO diwakili peguam Aieshah Nadia Masdar; peguam Low Hai Liang mewakili Wanita MCA dan Badan Perhubungan UMNO Sabah diwakili peguam Harcharanjit Singh.

Jumlah wang dimohon kerajaan untuk dilucut hak dari UMNO adalah RM212,965,413.61; Wanita MCA berjumlah RM300,000 dan Badan Perhubungan UMNO Sabah, RM1,254,112.24.

Mahkamah kemudian menetapkan 27 September untuk pihak pemohon memfailkan hujahan bertulis manakala 18 Oktober bagi hujahan bertulis oleh pihak responden.

Selain itu, mahkamah turut menetapkan 8 November 2019 bagi hujahan balas bertulis pemohon.

Permohonan melucut hak itu dibuat pendakwaan mengikut Seksyen 56(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.